

NOTIS PEMBERITAHUAN



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

**PERMOHONAN PENGANJUR BAZAR RAMADHAN
TAHUN 1443H / 2022M**

TARIKH PERMOHONAN

**28 JAMADILAKHIR 1443H / 31 JANUARI 2022M HINGGA
13 REJAB 1443H / 15 FEBRUARI 2022M**

LOKASI

SEPERTI LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

SYARAT UMUM

1. Setiap permohonan penganjuran Bazar Ramadhan hendaklah daripada Persatuan/Pertubuhan/NGO yang berdaftar dengan ROS atau mana-mana badan yang diiktiraf kerajaan sahaja seperti Jabatan Agama Islam NS, Management Corporation di dalam kawasan pentadbiran MBS (**masih sah tempoh**).
2. Hanya permohonan di atas tanah persendirian dibenarkan untuk penganjur daripada syarikat dan individu.
3. Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan **1 permohonan sahaja**.
4. Persatuan/Pertubuhan/NGO yang terpilih perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
5. Tidak mempunyai rekod tunggakan cukai taksiran, kompaun dan lain – lain bayaran yang berkaitan dengan MBS.
6. Melengkapkan borang permohonan dengan disertakan dokumen yang ditetapkan.
7. Penganjur hendaklah mengemukakan pelan cadangan kaedah pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di tapak.
 - i. Susunan petak dengan jarak 2 meter antara gerai.
 - ii. Kawalan lalulintas dan kawalan kemasukan pengunjung hendaklah menggunakan perkhidmatan RELA.
 - iii. Merekod kehadiran peniaga & pengunjung QR kod My Sejahtera dan *hand sanitizer*.
 - iv. Menghadkan kemasukan pengunjung mengikut keluasan kawasan bagi memastikan tidak berlaku kesesakan sehingga menyukarkan penjarakan fizikal yang ditetapkan.
 - v. Kegagalan mematuhi SOP semasa penganjuran bazar ramadhan adalah tanggungjawab penganjur.
8. Penganjur bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembersihan dan kutipan sampah . Dikehendaki menggunakan perkhidmatan pembersihan yang berdaftar dengan SWCorp.
9. Setiap penganjur yang berjaya/dipilih oleh pentadbiran Majlis akan dikenakan deposit penganjuran seperti berikut :

Bil	Bilangan Petak	Deposit (RM)
1.	50 Petak dan ke bawah	1,000.00
2.	51 Petak dan ke atas	2,000.00
3.	Khusus untuk lokasi dalam DUN Paroi	5,000.00

10. Deposit akan dikembalikan semula apabila tamat Bazar Ramadhan dan telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan iaitu kebersihan dan lain-lain.

11. Sekiranya didapati penganjur **GAGAL** dalam melaksanakan tanggungjawab di atas, kebenaran untuk menganjurkan bazar jualan tersebut boleh **DITARIK BALIK/DIBATALKAN**. Segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan. MBS juga boleh mengambil tindakan penguatkuasaan selanjutnya.
12. Setiap penganjur diminta memberi kerjasama kepada pegawai-pegawai Majlis ini dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan semasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dari masa ke semasa.
13. Khemah bazar ramadhan mesti dibuka selewat-lewatnya pada hari raya pertama (1 Syawal 1443H).
14. Persatuan/Pertubuhan/NGO yang berjaya akan dikenakan bayaran penganjuran. Bayaran penganjuran dikenakan seperti berikut :

Bil	Bilangan Petak	Bayaran (RM)
1.	50 Petak dan ke bawah	1,000.00
2.	51 Petak dan ke atas	2,000.00

15. Bayaran penganjuran hendaklah dijelaskan sebelum Bazar Ramadhan bermula.

Cara memohon :

Borang permohonan boleh didapati secara percuma di kaunter :

- i. a) Jab. Pembersihan & Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Seremban, Tingkat Bawah, Wisma Bandaraya , Lot 24392, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban Tampin, 70450 Seremban, NSDK
- b) Jab. Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Seremban (Cawangan Nilai), No. 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai, 71800 Nilai, NSDK .(Kaunter No. 10)

Atau

- c) Muat turun dari laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban www.mbs.gov.my dan **dicetak menggunakan kertas berwarna hijau muda (tanah kerajaan) & biru muda (tanah persendirian)**

- ii. Bayaran Proses Sebagai Penganjur adalah **RM20.00**
- iii. Borang Permohonan hendaklah ditandatangani, dicop dan disertakan dengan semua dokumen yang dikehendaki seperti syarat-syarat permohonan dan dihantar ke alamat seperti para (i) / (b) di atas **sebelum tarikh tutup permohonan**.
- iv. Borang Permohonan Yang Tidak Lengkap Diisi/Tidak Memenuhi Syarat Akan Ditolak.

**JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**



NOTIS
PEMBERITAHUAN
PENGANJURAN BAZAR
RAMADHAN TAHUN 1443H/2022M



BORANG
PERMOHONAN PENGANJUR
(TANAH KERAJAAN)
TAHUN 1443H/2022M



BORANG
PERMOHONAN PENGANJUR
(TANAH PERSENDIRIAN)
TAHUN 1443H/2022M

a) BAZAR AIDILFITRI

BIL	LOKASI	BIL PETAK	TANDAKAN (/)
1.	Dataran Senawang 1	112	
2.	Dataran Senawang 2	70	
3.	Dataran Senawang 3	100	
4.	Bandar Prima Senawang 1 (Jalan Melor 8)	63	

b) BAZAR JUADAH

BIL	LOKASI	BIL PETAK	TANDAKAN (/)
1.	Stadium Paroi	75	
2.	Bandar Prima Senawang 2 (Depan Mydin)	24	
3.	Taman Sri Pagi	8	
4.	Pusat Bandar Senawang 2 (Jalan Bandar Senawang 1)	48	
5.	Pusat Bandar Senawang 2 (Jalan Bandar Senawang 16)	50	
6.	Taman Desa Rhu	29	
7.	Tapak Desa Dahlia	35	
8.	Pekan Senawang Jaya	30	
9.	Tempat Letak Kereta Hadapan Kedai Taman Matahari Height	38	
10.	Taman Sri Pulai 3	26	
11.	One Avenue, Seremban 2	66	
12.	Persiaran Seremban 2 (Tapak Pasar Malam)	54	
13.	Taman Ampangan	20	
14.	Tapak Bersebelahan Klinik Kesihatan Seremban	20	

15.	Depan Pasar Rasah Jaya	20	
16.	Jalan BBN 1/2, Putra Point, Nilai (Berhampiran McDonald Putra Nilai)	70	
17.	Tapak Pasar Malam Cempakapuri, Nilai	50	
18.	Kawasan Pasar Borong Nilai 3, Nilai	31	
19.	Persiaran Metro Sendayan, Bandar Sri Sendayan	100	
20.	Jalan BBN 1/7, Putra Point, Nilai (Berhampiran Masjid Dato` Klana Petra, Putra Nilai)	100	
21.	Tapak Pasar Malam Taman Semarak	80	
22.	Medan Nusari, Bandar Sri Sendayan (Berhadapan Lot Kedai)	25	
23.	Jalan Mahawangsa, Bandar Enstek, Nilai	100	
24.	Jalan Kuarters Klia	47	
25.	Taman Gadong Jaya, Labu	20	
26.	Bandar Seremban Selatan	36	
27.	Pasar Awam Taman Seremban Jaya	35	
28.	Taman Pinggiran Senawang	13	
29.	Taman Tuanku Jaafar	20	
30.	Taman Tuanku Ampuan Najihah	10	
31.	Taman Dusun Nyior	50	
32.	Taman Senawang Perdana	30	
33.	Dataran Centrio	35	
34.	Nilai Perdana	20	
35.	Tiara Sendayan	30	
36.	Depan Pasaraya Lotus, Nilai	30	